

Dalam Negeri

Empat Ketua Setiausaha bertukar kementerian

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mengumumkan pelantikan baharu dan pertukaran empat Ketua Setiausaha (KSU) berkuat kuasa hari ini.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali, yang memaklumkan bahawa KSU Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang ditukarkan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM).

Datuk Seri Isham Ishak yang kini menjawat jawatan KSU Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), akan bertugas sebagai KSU Kement-



ZAINI UJANG

rian Pertahanan.

KSU Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Mohd Yusof, bertukar sebagai KSU Kementerian Perpaduan.

KSU Kementerian Perpaduan,



ISHAM ISHAK

Datuk Noridah Abdul Rahim, ditukarkan ke Jabatan Wilayah Persekutuan sebagai Ketua Pengerah.

Terakhir, Timbalan KSU MITI, Hairil Yahri Yaacob, dilantik sebagai KSU baharu kementerian



AZMAN MOHD YUSOF

sama.

Mohd. Zuki berkata, beliau percaya dengan kemampuan pegawai yang dilantik untuk terus memacu kecemerlangan kementerian masing-masing.

"Saya mengucapkan syabas



NORIDAH ABDUL RAHIM

dan tahniah di atas pelantikan ini dan percaya dengan kemampuan pegawai yang dilantik untuk terus memacu kecemerlangan kementerian serta agensi dalam menjayakan agenda Malaysia Madani," katanya.

TARIKH: 27/9/23.
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia.
MUKA SURAT: 4